AUTHOR: No author available SECTION: SETEMPAT PAGE: 17 PRINTED SIZE: 354.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: AUD 4,863.00 ITEM ID: MY0068989019



26 APR, 2026

Program Jelajah Daie Orang Asli: 25 memeluk Islam

Metro Ahad, Malaysia



MARHAMAH (tiga dari kiri) menyampaikan sumbangan kepada penduduk Orang Asli pada Program Jelajah Daie Orang Asli di Pos Pasik, Gua Musang. - Gambar NSTP/PAYA LINDA YAHYA

Program Jelajah Daie Orang Asli: 25 memeluk Islam

Gua Musang: Seramai 769 keluarga Orang Asli di pedalaman disantuni dalam Program Jelajah Daie Orang Asli di sini.

Ia hasil kerjasama agensi terdiri daripada kerajaan negeri dan persekutuan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Marhamah Rosli berkata, program jelajah itu membabitkan empat lokasi penempatan Orang Asli di negeri ini.

Katanya, pada program jelajah itu pelbagai aktiviti menarik sudah disusun bagi mengeratkan hubungan silaturahim antara agensi dan masyarakat Orang Asli di pedalaman.

"Alhamdulillah...program yang berlangsung mendapat sambutan baik dalam kalangan masyarakat Orang Asli termasuk yang bukan beragama Islam dengan pelbagai aktiviti menarik yang sudah di susun.

"Program ini bermula Khamis lalu di perkampungan Oranga Asli Sungai Rual, Jeli, Kampung Kuala Wok, Pos Pasik dan berakhir di Kampung Pasir Linggi, Gua Musang.

"Program ini mendapat kerjasama daripada pelbagai agensi antaranya Yayasan Taqwa, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Pejabat Tanah dan Jajahan Gua Musang (PTJGM), Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Polis Di Raja Malaysia (PDRM)," katanya ketika ditemui di Pos Pasik di sini.

Menurut Marhamah orang Asli di empat penempatan terbabit menerima bantuan bakul makanan asas dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM 76,900.

Katanya, beliau sangat teruja dengan sambutan penduduk Orang Asli di pedalaman dan kerjasama yang baik antara agensi kerajaan negeri dan pusat.

"Kehadiran penduduk kampung pada program ini memberi satu semangat kepada kami untuk terus menyantuni mereka yang tinggal di pedalaman. Kita harap lebih ramai Orang Asli di pedalaman akan tertarik dengan Islam dan seterusnya bersedia untuk masuk Islam secara suka rela. Selain bantuan bakul makanan dan aktiviti bersama penduduk, terdapat seramai 25 Orang Asli yang memeluk Islam sepanjang program ini berlangsung.

"Kami turut menyerahkan sumbangan kepada surau di kawasan pedalaman Orang Asli ini termasuk Al-Quran dan telekung solat. Saya harap ia dapat digunakan sebaiknya untuk penduduk di kawasan terbabit," katanya.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

AUTHOR: No author available SECTION: SETEMPAT PAGE: 17 PRINTED SIZE: 354.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: AUD 4,863.00 ITEM ID: MY0068989019



26 APR, 2026

Program Jelajah Daie Orang Asli: 25 memeluk Islam

Metro Ahad, Malaysia

SUMMARIES

Gua Musang: Seramai 769 keluarga Orang Asli di pedalaman disantuni dalam Program Jelajah Daie Orang Asli di sini. Ia hasil kerjasama agensi terdiri daripada kerajaan negeri dan persekutuan. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Marhamah Rosli berkata, program jelajah itu membabitkan empat lokasi penempatan Orang Asli di negeri ini. Katanya, pada program jelajah itu pelbagai aktiviti menarik sudah disusun bagi mengeratkan hubungan silaturahim antara agensi dan masyarakat Orang Asli di pedalaman.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.